



BANTAH: Duta Hungary, Tomas Toth meninggalkan dewan selepas kira-kira 15 minit Dr Mahathir memberi ucapan mengecam dasar Amerika dan Britain terhadap Iraq ketika menyampaikan ucapannya sempena Hari Hak Asasi Manusia 2005 di Hotel Le Meridian, di ibu negara, semalam.

Diplomat tak puas hati

Wakil Britain, Hungary keluar dewan bantah ucapan Dr M

BH - 10/9/2005

Oleh Misiah Taib

“*Saya minta maaf. Tapi seperti yang saya katakan, sebanyak mana mereka mempunyai hak untuk mengkritik saya, mereka juga patut memberi hak kepada saya untuk mengkritik mereka”*

Tun Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri

KUALA LUMPUR: Sekumpulan diplomat Britain dan Hungary yang menghadiri persidangan sempena Hari Hak Asasi Manusia 2005 di sini semalam, bertindak meninggalkan dewan ketika Tun Dr Mahathir Mohamad mengecam dasar Amerika dan Britain terhadap Iraq ketika menyampaikan ucapannya.

Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Bruce Cleghorn dan Duta Hungary, Tomas Toth serta beberapa pegawai mereka yang duduk di barisan depan, terus berdiri dan meninggalkan dewan persidangan di Hotel Le Meridian itu, kira-kira 15 minit selepas bekas Perdana Menteri memulakan ucapannya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir yang dikenali lantang mengkritik dasar Barat terhadap dunia ketiga, antara lain mendedahkan pencerob-

han di Iraq menyebabkan kematian beratus ribu orang awam termasuk 500,000 bayi akibat sekatan ekonomi dan peperangan.

Cleghorn dan Toth adalah antara 300 orang yang menghadiri majlis anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) sempena Hari Hak Asasi Manusia 2005.

Amerika Syarikat bagaimanapun tidak menghantar wakil pada sesi ucapannya Dr Mahathir pagi semalam. Atase Media Kedutaan Amerika di sini, Kathryn Taylor, yang dihubungi mengesahkan pihaknya mengambil keputusan tidak menghantar wakil pada sesi itu.

“Kita hanya menghantar wakil untuk sesi tengah hari,” katanya yang enggan mengulas kenapa keputusan itu dibuat.

Cleghorn berkata, beliau dijemput Suhakam untuk menghadiri persidangan itu serta menerima undangan berkenaan atas rasa hormat

kepada Suhakam dan Dr Mahathir sebagai bekas Perdana Menteri Malaysia.

“Malangnya saya mendapati diri saya terpaksa mendengar kecaman dan gambaran salah mengenai negara saya. Jadi saya ambil keputusan meninggalkan majlis itu,” katanya dalam satu kenyataan.

Dr Mahathir pada sidang akhbarnya mempertahankan tindakannya mengkritik negara kuasa besar itu.

“Saya minta maaf. Tapi seperti yang saya katakan, sebanyak mana mereka mempunyai hak untuk mengkritik saya, mereka juga patut memberi hak kepada saya untuk mengkritik mereka.

“Tapi kalau mereka tidak mahu mendengar kritikan saya, maknanya mereka menafikan hak saya untuk bercakap,” katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya

'Kuasa besar punyai hak tentukan campur tangan'

DARI MUKA 1

bertajuk 'Hak Asasi Manusia dan Globalisasi', Dr Mahathir berkata, pencerobohan Amerika dan Britain di Iraq menyebabkan lebih banyak orang terbunuh dan cedera.

"Lebih teruk lagi, kuasa-kuasa yang sepatutnya menyelamatkan penduduk Iraq sendiri yang melanggar undang-undang antarabangsa mengenai hak asasi manusia

"Ketika ditanya wartawan apakah harga yang terpaksa dibayar tidak terlalu mahal untuk menghapuskan kediktatoran Saddam Hussein, bekas Setiausaha Amerika Syarikat, Madeleine Albright, berkata ia memang sukar tetapi harga (kematian 500,000 bayi dan kanak-kanak) berbaloi," katanya.

Sambil menyifatkan negara terabit bukan saja bersikap 'double standard', malah 'multiple standard', beliau berkata, Amerika Syarikat dan Britain bertindak sesuka hati mencerooboh Iraq, kononnya menjatuhkan kerajaan yang didakwa mengamalkan pemerintahan kuku besi.

"Dakwaan kononnya Iraq memiliki senjata pemusnah besar-besaran terbukti satu pembohongan," katanya.

Bekas Perdana Menteri berkata, kuasa besar sepatutnya menyelamatkan rakyat Iraq, sebaliknya melanggar undang-undang antarabangsa dan hak asasi manusia dengan menahan dan menyeksa rakyat Iraq.

"Tindakan membunuh 100,000 orang kerana anda mensyaki hak asasi manusia bagi segelintir orang telah dinafikan, nampaknya satu tindakan yang amat bercanggah.

"Malangnya, pejuang fanatik hak asasi manusia menyebabkan lebih ramai orang dinafikan hak asasi mereka. Nampak pada saya, kita sudah hilang bentuk kewarasan," katanya.

Beliau berkata, pihak yang mendakwa bertamadun masih percaya bahawa nasib malang yang mereka lakukan terhadap musuh mereka perkara yang betul.

"Ini dapat dilihat daripada keprihatinan dan kemarahan terhadap kematian 1,700 tentera Amerika Syarikat di Iraq. Tapi kematian ratusan kali ganda lebih banyak rakyat Iraq akibat pencerobohan tentera bersekutu dan pendudukan terhadap Iraq langsung tidak disebut.

"Israel pula dibekalkan dengan senjata dan dibenarkan memiliki senjata nuklear serta mengebom apa yang dikatakan kemudahan penyelidikan nuklear di negara lain.

"Jadi bolehkah kita terima kuasa besar ini mempunyai hak untuk menentukan bila mereka mahu masuk campur dalam hal ehwal dalaman negara lain untuk melindungi hak asasi manusia," tanya Dr Mahathir.